

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]  
TARIKH : 10 JUN 2014  
SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- a) Jumlah statistik pesakit buah pinggang di Malaysia serta menjalani rawatan di Hospital Kerajaan;
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi geran atau peruntukan kepada pusat dialisis swasta bagi membantu menampung jumlah pesakit yang ramai ini.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada tahun 2013, jumlah pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir yang menerima rawatan dialisis di seluruh negara adalah 30,106 orang, dimana 27,579 pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 2,527 pesakit menjalani rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Daripada jumlah ini, 8,574 pesakit menerima rawatan di hospital kerajaan, di mana 6,058 pesakit menerima rawatan hemodialisis dan 2,516 pesakit menerima rawatan CAPD.

Registri Dialisis dan Transplan Malaysia tidak mengumpul data semua pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang tetapi hanya mengumpul data pesakit yang berada pada tahap kritikal yang menjalani rawatan dialisis.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bantuan kewangan kepada pusat dialisis swasta dalam membantu mereka menampung keperluan pesakit mendapatkan rawatan hemodialisis yang kian meningkat. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan bantuan kewangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berhasrat untuk menubuhkan pusat dialisis baru atau membuka cawangan baru dalam bentuk *Capital Grant* pada kadar 50% terhadap apa yang dibelanjakan oleh pusat dialisis NGO yang tidak melebihi RM338,500.

Bagi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin pula, Kerajaan telah menyediakan subsidi pada kadar RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM18.50 untuk setiap suntikan erythropoietin kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan. Subsidi ini diberikan kepada pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar sebagai penerima bantuan subsidi tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2001 sehingga 2013 Kementerian telah memberi bantuan *Capital Grant* kepada 84 buah pusat dialisis NGO yang menelan belanja sebanyak RM22.86 juta manakala bagi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin pula adalah RM284.51 juta kepada sejumlah 2,955 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan.

Sehingga kini, sebanyak 60 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 122 buah pusat dialisis telah berdaftar di bawah KKM sebagai penerima subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin. Pihak KKM akan terus menimbangkan semua permohonan baru untuk mendapatkan subsidi dan geran demi menjaga kesejahteraan rakyat Negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi memberikan liputan perkhidmatan yang menyeluruh, perkhidmatan perubatan yang diberi oleh Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia kepada rakyat dengan subsidi yang tinggi, dengan anggaran 95% daripada kos adalah di tanggung oleh kerajaan. Selain itu pengecualian caj rawatan turut diberikan kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Sekiranya terdapat ubatan atau peralatan perubatan yang tidak mampu dibiayai oleh pesakit, bantuan boleh diberikan menerusi Tabung Bantuan Perubatan KKM.